

13 JAN 1996

Law-EIA

NEGERI DISARAN TIDAK TERBURU-BURU PERKENAL EIA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Langkah beberapa negeri mahu memperkenalkan peraturan dan garis panduan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) tidak bermakna yang kuasa kerajaan Persekutuan dalam Jabatan Alam Sekitar berkurangan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini berkata undang-undang kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri sepatutnya saling melengkapi antara satu sama lain dan beliau tidak nampak sebab mengapa negeri-negeri perlu menjaga alam sekitar masing-masing.

"Bagaimanapun, nasihat saya kepada mereka ialah jangan terburu-buru, lakukannya dengan teratur," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan pelancaran Measat-1 di sini yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai hasrat kerajaan-kerajaan negeri Perak, Pahang, Johor dan Sabah memperkenalkan peraturan laporan EIA masing-masing.

Law berkata rundingan antara kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan perlu diadakan sebelum sebarang undang-undang atau peraturan berhubung alam sekitar dirangka dan dilaksanakan.

"Kami mahu adakan penyeragaman kerana kami tidak mahu mewujudkan salah faham atau pertindihan kuasa," katanya.

Law berkata kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh meletakkan semua undang-undang alam sekitar di bawah bidang kuasa masing-masing.

"Jika berlaku sebarang pertikaian, undang-undang dan standard-standard kerajaan Persekutuan adalah muktamad," katanya sambil menambah undang-undang negeri sepatutnya mematuhi standard-standard alam sekitar kebangsaan.

Ketika ditanya sama ada langkah itu bermakna yang kerajaan-kerajaan negeri akan hanya meluluskan projek-projek yang menguntungkan mereka, beliau berkata: "Kita tidak boleh membuat kesimpulan seperti itu. Saya berharap mereka akan menggunakan sebaik-baiknya undang-undang yang mereka ada." -- BERNAMA